

PM  
BM 23 APR 20

# bangga kejayaan unit foto Bernama

KUALA LUMPUR, Jumaat  
- Perdana Menteri, Datuk  
Seri Dr Mahathir Mohamad,  
berkata Unit Foto Bernama  
yang menyambut ulang ta-  
hun ke-20 tahun ini banyak  
membantu kerajaan mene-  
rangkan pelbagai dasar pem-  
angunan kepada rakyat.

"Setiap hari unit ini me-  
nyebarkan foto yang mera-  
kamkan pelbagai peristiwa  
suka duka yang berlaku di  
seluruh negara termasuk ak-  
tiviti pembangunan yang di-  
jalankan kerajaan untuk  
pengetahuan rakyat," katanya.

Dr Mahathir berkata demi-  
kian dalam kata aluannya  
sempena ulang tahun Unit  
Foto Bernama yang disam-  
but di Wisma Bernama di  
sini, hari ini.

Katanya, foto Bernama  
kerap menjadi pilihan akh-  
bar tempatan dan asing ke-  
rana keistimewaannya.

"Saya juga berbangga de-  
ngan kemampuan Unit Foto  
Bernama yang dapat meng-  
hasilkan foto bermutu ting-  
gi, menarik, kreatif dan eks-  
klusif yang setanding foto di-  
terbitkan oleh unit foto agen-  
si berita asing atau media  
mereka," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berharap  
Unit Foto Bernama serta ju-  
rugambar profesionalnya te-  
rus merakamkan peristiwa  
dan kegiatan tempatan dan  
luar negara.